

29/05/1997

Tajol tidak duga diberi mandat

KUALA LUMPUR, Rabu - Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Tajol Rosli, terharu dengan pelantikannya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri dan menyifatkannya sebagai kepercayaan pucuk pimpinan.

Tajol yang ditemui di pejabatnya berkata, beliau mendapat tahu mengenai pelantikannya itu pagi tadi dan tidak menduga diberi mandat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memegang jawatan penting itu.

"Saya hanya mendapat tahu mengenai pelantikan itu pagi tadi ketika membantu kempen pilihan raya kecil di Kuala Selangor.

"Saya tidak tahu bila pelantikan itu berkuatkuasa. Bagaimanapun, saya terharu dan mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan yang memberi penuh kepercayaan.

"Saya berjanji akan meneruskan usaha Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan berhubung dengannya untuk belajar cara bekerja di kementerian baru," katanya.

Tajol berkata, beliau bercadang menemui Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mendapat restu sebelum memulakan tugas itu.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh yang memberi kebebasan kepadanya untuk melaksanakan tugas.

Tajol Rosli, 52, dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada 1983 dan pada 1986, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan seterusnya dua kali bertukar portfolio Timbalan Menteri, iaitu Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada 1990 dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak 1995.

(END)